

**BAHAGIAN A
(30 MARKAH)**

- 1 Apakah yang dimaksudkan dengan *thoharah*? _____.
 - A Bersuci
 - B Bersiwak
 - C Berkhatan
 - D Beristinjak

- 2 Apakah hukum bersuci?
 - A Sunat
 - B Wajib
 - C Makruh
 - D Sunnat Muakkad

- 3 Bagaimanakah cara untuk mengangkat hadas kecil?
 - A Berwuduk
 - B Beristinjak
 - C Mandi wajib
 - D Mandi sunat

- 4 Bagaimanakah cara untuk mengangkat hadas besar?
 - A Berwuduk
 - B Beristinjak
 - C Mandi wajib
 - D Mandu sunat

- 5 Kekotoran najis ialah _____.
 - A Kekotoran batin yang meliputi badan, pakaian dan tempat
 - B Kekotoran zahir dan batin yang meliputi badan, pakaian dan tempat
 - C Kekotoran zahir yang meliputi badan, pakaian dan tempat
 - D Kekotoran maknawi yang ada pada badan sahaja

- 6 Kekotoran hadas ialah _____.
- A Kekotoran batin yang meliputi badan, pakaian dan tempat
 - B Kekotoran zahir yang meliputi badan, pakaian dan tempat
 - C Kekotoran zahir dan batin yang meliputi badan, pakaian, dan tempat
 - D Kekotoran maknawi yang ada pada badan sahaja
- 7 Berikut merupakan alat-alat yang boleh digunakan untuk beristinjak **KECUALI**
- A Air.
 - B Tisu.
 - C Tanah.
 - D Tulang ayam.
- 8 Yang manakah di antara yang berikut merupakan pembahagian air yang tepat.
- I. Air yang suci & menyucikan
 - II. Air yang suci & menyucikan tetapi makruh
 - III. Air yang suci tetapi tidak menyucikan
 - IV. Air yang tidak suci & tidak menyucikan
- A I & II
 - B I, II & III
 - C II, III & IV
 - D Semua di atas
- 9 Air mutlak terbahagi kepada _____ jenis.
- A Empat (4)
 - B lima (5)
 - C enam (6)
 - D tujuh (7)

Air yang terjemur dibawah cahaya matahari yang terik dan berlaku di negeri yang panas

10 Pernyataan di atas ialah berkenaan dengan?

- A Air Mutlak.
- B Air Mutanajjis.
- C Air Mutaghayyir.
- D Air Musyammas.

- Tidak harus digunakan untuk bersuci
- Kurang daripada 2 kolah
- Telah digunakan untuk bersuci

11 Pernyataan di atas ialah berkenaan dengan?

- A Air Mutlak
- B Air Musta'mal.
- C Air Muqayyad.
- D Air Musyammas.

- Tidak harus digunakan untuk bersuci
- Terdapat najis dalam air yang sedikit (kurang daripada 2 kolah)
- Terdapat najis dalam air yang banyak sehingga mengubah bau, warna dan rasa air tersebut

12 Pernyataan di atas ialah berkenaan dengan?

- A Air Mutlak
- B Air Musta'mal
- C Air Musyammas
- D Air Mutanajjis

13 Berikut merupakan hikmah bersuci **KECUALI**

- A Kebersihan diri dapat mencerminkan keperibadian seseorang
- B Amalan kebersihan merupakan identity umat islam

- C Kebersihan zahir membawa kepada kebersihan jiwa seseorang
- D Dipandang mulia disisi manusia semata-mata.

14 Berikut merupakan najis mutawassitah **KECUALI**

- A Arak
- B Nanah
- C Darah
- D Air kencing bayi lelaki berumur 2 tahun ke bawah yang minum susu ibu sahaja.

Air kencing bayi yang berumur 2 tahun ke bawah yang minum susu ibu sahaja.

15 Pernyataan di atas merujuk kepada Najis _____.

- A Mukhaffafah
- B Mutawasittah
- C Mughallazah
- D Mutanajjis

16 Najis ialah sesuatu yang kotor dan _____.

- A bersih
- B suci
- C wangi
- D jijik

17 Wuduk dari segi Bahasa ialah

- A Cantik dan indah
- B Bersih dan suci
- C Bersih dan indah
- D Cantik dan suci

- 18 Berapakah jumlah rukun/fardu wuduk?
- A Empat (4)
 - B Lima (5)
 - C Enam (6)
 - D Tujuh (7)
- 19 Antara berikut yang manakah **bukan** sunat wuduk?
- A Membaca basmalah (Bismillahirrahmanirrahim).
 - B Berkumur-kumur sebanyak 3 kali.
 - C Menyapu kedua-dua telinga luar dan dalam.
 - D Membasuh kedua-dua belah kaki sebanyak 3 kali.
- 20 Berikut merupakan perkara-perkara yang membatalkan wuduk **KECUALI**
- A Makan dan minum.
 - B Bersentuh kulit lelaki dan wanita bukan ajnabi.
 - C Keluar sesuai samada benda keras, cecair ataupun angin melalui qubul atau dubur.
 - D Menyentuh kemaluan (qubul atau dubur) dengan tapak tangan atau perut anak jari, Sama ada kemaluan sendiri ataupun orang lain.
- 21 Antara berikut yang manakah **bukan** hukum berkahwin.
- A Harus.
 - B Sunat.
 - C Wajib.
 - D Fardhu kifayah.

Menyapu debu tanah yang suci ke muka dan kedua belah tangan hingga ke siku dengan beberapa syarat tertentu.

22 Pernyataan berikut ialah definisi bagi

- A Wuduk.
- B Istinja.
- C Tayammum.
- D Mandi Wajib

1. Niat
2. Menghilangkan semua najis yang ada pada anggota badan
3. Meratakan air ke seluruh anggota badan

23 Berikut merupakan rukun bagi?

- A Wuduk.
- B Mandi wajib.
- C Tayammum.
- D Mandi Sunat.

24 Antara berikut yang manakah **bukan** darah khusus bagi wanita?

- A Nifas.
- B Haid.
- C Istihadah.
- D Darah luka.

25 Antara berikut yang manakah Najis Mughallazah?

- A Anjing dan babi.
- B Bangkai lembu.
- C Najis kucing.
- D Air kencing tikus

1. Tempoh minimum 1 hari 1 malam (24 jam)
2. Tempoh kebiasaan 6 atau 7 hari beserta malam
3. Tempoh maksimum 15 hari beserta malam

26 Pernyataan di atas ialah berkaitan darah?

- A Nifas.
- B Haid.
- C Istihadah.
- D Wiladah.

27 Berikut adalah pembahagian yang tepat bagi hadas

- A Hadas luas dan hadas sempit.
- B Hadas ringan dan hadas berat.
- C Hadas kecil dan hadas besar.
- D Hadas pertengahan dan hadas pengakhiran.

28 Dua(2) jenis bangkai yang halal dimakan ialah

- A Ikan dan belalang
- B Lembu dan kerbau
- C Ayam dan itik
- D Kambing dan biri-biri

29 Antara berikut yang manakah **bukan** tegahan ketika seseorang tiada wuduk ?

- A Membaca Al-Quran.
- B Melakukan tawaf.
- C Membaca buku.
- D Solat sunat.

30 Antara berikut yang manakah hukum bagi mandi sunat?

- A Wajib.
- B Sunat.
- C Haram.
- D Harus.